



PERADUAN PAGI ERA SABAH KASI JADI AZAM TAHUN 2017

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	Astro Radio Sdn Bhd
2.	Stesen Radio	ERA fm Sabah
3.	Nama Peraduan	Peraduan PAGI ERA SABAH KASI JADI AZAM TAHUN 2017
4.	Huraian Ringkas Peraduan/Rancangan	ERA fm Sabah beri peluang kepada pendengar di Kota Kinabalu untuk tunaikan azam 2017 yang belum tercapai
5.	Mekanisma ringkas Peraduan	Inbox ke facebook ERA Sabah dan bertahu kami azam tahun 2017 yang belum tercapai dan bagaimana ERA Sabah boleh bantu untuk tunaikan azam tersebut
6.	Kriteria Kelayakan	Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 3hb Januari 2018.
7.	Ketidaklayakan	Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini :- a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-kontraktor Penganjur, Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik beradik orang-orang tersebut; b) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini; c) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1001 - RM 5000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini; d) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 5001 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan ini.
8.	Umur Kelayakan	Peraduan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 3hb Januari 2018
9.	Caj	Tidak berkenaan
10.	Tempoh Peraduan	3hb Januari 2018 sehingga 11hb Januari 2018
11.	Bahasa Peraduan	Bahasa Malaysia.
12.	Prosedur Penyertaan	Melalui laman sosial Pihak Penganjur berhak untuk meminta salinan asli Kad Pengenalan/ Sijil Surat Beranak atau salinan asli dokumen-dokumen sokongan yang lain untuk tujuan pengesahan dan pengiktirafan.
13.	Tarikh Tutup Penyertaan	11hb Januari 2018, 11.59pm
14.	Cara Penghantaran	Online
15.	Alamat	Astro Radio Sdn Bhd F901 Wisma Angkatan Hebat Jalan Sulaman, 88450 Kota Kinabalu
16.	Pemilihan Pemenang	Penyertaan yang mempunyai sebab terbaik
17.	Hadiah	2 X Hadiah bernilai RM500 untuk tunaikan azam

18.	Pemberitahuan Pemenang Peraduan	Nama pemenang akan dipaparkan pada laman web ERA sabah.era.fm
19.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Dalam masa 90 hari dari notis pihak penganjur.
20.	Tempat Pengambilan Hadiah	Astro Radio Sdn Bhd F901 Wisma Angkatan Hebat Jalan Sulaman, 88450 Kota Kinabalu
21.	Terma-terma tambahan, jika ada	<p>Sekiranya transaksi pemindahan telegraf ke akaun bank Pemenang gagal disebabkan oleh informasi yang dibekalkan oleh Pemenang adalah tidak lengkap dan/atau salah, Penganjur merizabkan haknya untuk menolak RM10.00 daripada nilai Hadiah untuk setiap penghantaran-semula transaksi tersebut.</p> <p>Sekiranya Pemenang memerlukan pengeluaran semula cek untuk Hadiah, RM50.00 akan ditolak daripada nilai Hadiah, melainkan pengeluaran semula itu adalah disebabkan oleh kecuaian, kesilapan dan / atau kesalahan pihak Penganjur.</p> <p>Semua peserta bersetuju untuk menyerahhakkan dan memindahkan kepada Penganjur dan syarikat-syarikat berkaitan hak mutlak yang tidak terhad untuk menggunakan dan mengeksplorasi mana-mana dan semua video yang kamu muatnaik untuk Peraduan ini di seluruh dunia untuk tempoh penuh hak cipta termasuk semua pembaharuan bersama-sama dengan hak untuk memberi kuasa kepada orang lain untuk berbuat demikian tanpa perlu membayar apa-apa saraan atau royalti kepada kamu.</p> <p>Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan terpakai</p>

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat kesemua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini (“**Peserta**”). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.